

KONSEP PERUMAHAN BERSAMA BERDASARKAN PENTADBIRAN MAQASID SHARI'AH

Fitriyah Razali

Centre for Real Estate Studies (UTM CRES)

Institute for Smart Infrastructure and Innovative Construction (ISIIC)

Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Johor, Malaysia

Email: fitriyahrazali@utm.my

Wan Ibrisam Fikry Wan Ismail

Jabatan Harta Tanah

Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia

Email: wanibrisam@utm.my

Dzurllkanian Daud

Jabatan Harta Tanah

Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia

Email: dzurll@utm.my

Nur Farah Atikah Mohd Razif

Jabatan Seni Bina

Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia

Email: missnfa@gmail.com

ABSTRAK

Kertas kajian ini meneroka konsep perumahan bersama yang diasaskan pada prinsip-prinsip Maqasid Shari'ah. Maqasid Shari'ah merupakan kerangka konseptual dalam Islam yang menekankan pemeliharaan dan pencapaian tujuan-tujuan asas dalam kehidupan manusia, termasuk keselamatan, kesejahteraan, dan keadilan. Kajian ini mengkaji bagaimana konsep perumahan bersama boleh diselaraskan dengan prinsip-prinsip Maqasid Shari'ah untuk memastikan kesejahteraan dan kebahagiaan masyarakat setempat. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji persepsi dan penerimaan konsep perumahan bersama berdasarkan pentadbiran Maqasid Shari'ah oleh golongan tua beragama Islam di dua negeri di Malaysia, iaitu Johor dan Selangor. Kaedah temu ramah telah diadakan terhadap responden yang berusia 50 tahun dan ke atas, sejumlah 641 orang responden telah di temu ramah bagi kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa golongan tua beragama Islam di kedua-dua negeri ini amat bersetuju dengan konsep perumahan bersama yang ditakbirkan berdasarkan Maqasid Shari'ah. Mereka melihatnya sebagai satu pendekatan yang sejajar dengan nilai-nilai agama dan membawa manfaat dalam kehidupan seharian mereka. Hasil kajian mendapati bahawa perumahan bersama yang mengutamakan keselamatan, kemudahan akses kepada perkhidmatan asas seperti masjid, pusat pengajian, dan pusat kesihatan, serta mengamalkan prinsip keadilan dalam pengagihan sumber-sumber perumahan, membantu meningkatkan kesejahteraan golongan tua dalam suasana yang mendukung nilai-nilai agama Islam. Kajian ini juga mencadangkan perlunya peningkatan kesedaran dan pemahaman tentang konsep perumahan bersama ini di kalangan golongan tua. Pendidikan dan penyuluhan yang lebih lanjut boleh membantu memperkukuhkan pemahaman masyarakat dan meningkatkan pelaksanaan konsep perumahan bersama. Konsep perumahan bersama akan menghasilkan komuniti yang sihat, sejahtera dan membawa nilai kehidupan agama Islam dalam kehidupan bermasyarakat.

Kata kunci: Maqasid Shari'ah, perumahan bersama, golongan tua, komuniti, kesejahteraan

PENGENALAN

Kemajuan dan perkembangan dalam bidang perumahan adalah penting dalam konteks kehidupan masyarakat, dan ia tidak hanya mencerminkan aspek fizikal, tetapi juga memainkan peranan dalam memenuhi keperluan asas individu dan keluarga. Dalam konteks masyarakat beragama Islam, aspek pentadbiran Maqasid Shari'ah telah semakin mendapat perhatian sebagai satu kerangka konseptual yang meliputi nilai-nilai dan prinsip-prinsip agama Islam dalam kehidupan harian.

Konsep perumahan bersama pula merujuk kepada pendekatan perancangan dan pentadbiran perumahan di mana individu atau keluarga berkongsi satu kawasan perumahan. Kawasan perumahan ini menekankan aspek keselamatan, kemudahan akses kepada perkhidmatan asas, dan keadilan dalam pengagihan sumber-sumber perumahan (Williams, 2008). Konsep ini bertujuan untuk mencipta komuniti yang lebih berdaya maju, bersepadu, dan harmoni (Lietaert, 2010).

Manakala kajian ini pula menyentuh tentang konsep perumahan bersama yang diasaskan pada pentadbiran Maqasid Shari'ah. Konsep Maqasid Shari'ah mewakili pandangan Islam tentang pemeliharaan dan pencapaian tujuan-tujuan asas dalam kehidupan manusia. Konsep ini menitikberatkan aspek-aspek seperti keselamatan, kesejahteraan, dan keadilan dalam membentuk persekitaran perumahan. Perkaitan antara konsep perumahan bersama dan Maqasid Shari'ah adalah amat penting untuk dikaji. Ini kerana konsep ini dapat diselaraskan dengan keperluan dan kehendak masyarakat setempat, khususnya terhadap golongan tua yang beragama Islam di Malaysia.

Penyelidikan ini adalah relevan kerana masyarakat memahami bahawa kepuasan keperluan asas, kesejahteraan sosial, dan keadilan dalam pengagihan sumber-sumber perumahan adalah aspek penting dalam kehidupan golongan tua (Tobi et al., 2017). Pemahaman dan penerimaan konsep perumahan bersama berdasarkan Maqasid Shari'ah mempunyai potensi untuk membawa manfaat dalam pengembangan perumahan yang lebih berdaya maju, selamat, dan bermakna dalam konteks nilai-nilai Islam. Kajian

ini bertujuan untuk menjelaskan isu-isu berkaitan dengan konsep ini serta menganalisis persepsi dan penerimaan golongan tua beragama Islam terhadapnya, sambil memberikan landasan untuk penyelidikan lanjutan dalam usaha meningkatkan kualiti kehidupan dalam komuniti beragama Islam di Malaysia.

KAJIAN LITERATUR

Konsep perumahan bersama (atau "co-housing" dalam Bahasa Inggeris) adalah satu pendekatan perancangan perumahan di mana individu atau keluarga berkongsi kawasan perumahan yang biasanya terdiri daripada unit-unit kediaman yang bersebelahan atau berhampiran (McCamant and Durrett, 2011). Ia merangkumi beberapa elemen penting seperti Jadual 1.

Jadual 1: Elemen perumahan Bersama

Elemen perumahan bersama	Penerangan
Sekuriti	Perumahan bersama menitikberatkan aspek sekuriti penduduk sebagai keutamaan. Ini termasuk langkah-langkah seperti kawalan akses, sistem keselamatan, dan keupayaan untuk mengenal pasti orang asing yang memasuki kawasan perumahan.
Kepemilikan Privat dan Ruang Bersama	Setiap keluarga atau individu memiliki unit kediaman yang bersifat privat seperti rumah atau apartmen. Selain itu, terdapat juga ruang bersama yang digunakan bersama oleh penduduk kawasan tersebut, seperti ruang makan bersama, ruang rekreasi, dan kawasan taman.
Kemudahan Komuniti	Perumahan bersama sering dilengkapi dengan kemudahan komuniti yang boleh digunakan bersama, seperti ruang makan atau dapur bersama, bilik mesyuarat, bilik senaman, dan kemudahan rekreasi. Membolehkan penduduk berkongsi sumber dan menjalankan aktiviti bersama.
Tanggungjawab Bersama	Konsep ini mendorong penduduk untuk berkongsi tanggungjawab dalam menguruskan komuniti dan ruang bersama. Merangkumi perancangan bersama, penyelenggaraan, dan kebersamaan membuat keputusan tentang hal ehwal dan perbelanjaan komuniti.
Kehidupan Sosial	Perumahan bersama menggalakkan kehidupan sosial yang aktif di antara penduduk. Contoh aktiviti seperti makan bersama, aktiviti sosial, atau program komuniti yang membina hubungan dan integrasi sosial di kalangan penduduk.
Kesejahteraan dan Keselamatan	Pendekatan ini sering menekankan keselamatan dan kesejahteraan penduduk. Terdapat kawalan akses dan sistem keselamatan, serta pendekatan reka bentuk yang menggalakkan kegiatan luaran yang selamat untuk kanak-kanak dan golongan tua.
Kehidupan Mesra Alam	Perumahan bersama menitikberatkan aspek alam sekitar dan menggalakkan amalan mesra alam yang menjadi aktiviti harian komuniti.
Kepelbagaian	Perumahan bersama sering mewujudkan komuniti yang pelbagai, yang merangkumi individu dan keluarga dari latar belakang, usia, dan budaya yang berbeza. Meningkatkan kepelbagaian dan keharmonian dalam komuniti.

Sumber: (Guo et al., 2024; Sanguinetti, 2014; McCamant and Durrett, 2011; Lietaert, 2010; Williams, 2008)

Konsep perumahan bersama menawarkan alternatif yang menarik kepada model perumahan konvensional yang menekankan kehidupan berkomuniti dan interaksi sosial. Perumahan bersama direka untuk memupuk komuniti yang erat, berdaya maju, dan mampan, di mana penduduk hidup dalam persekitaran yang saling bergantung dan berkongsi sumber antara satu sama lain (Glass and Norris, 2022; Brenton, 2013).

Perumahan bersama biasanya merangkumi beberapa ciri utama yang membezakannya daripada perumahan konvensional: komuniti yang erat, ruang komunal, perbincangan dan keputusan bersama, berkongsi sumber, serta penekanan pada kelestarian. Berdasarkan Jadual 1, elemen perumahan bersama ini diwujudkan melalui reka bentuk yang menggalakkan interaksi sosial, kemudahan komunal yang luas, proses pengambilan keputusan kolektif, perkongsian sumber seperti kenderaan atau peralatan, dan amalan pertanian organik.

Seperti dinyatakan oleh Jadual 1, perumahan bersama menawarkan pelbagai manfaat kepada penduduknya, termasuk peningkatan kesejahteraan sosial, kos hidup yang lebih rendah, gaya hidup yang lebih mampan, perasaan berkomuniti dan aspek keselamatan yang lebih baik. Melalui kehidupan berkomuniti, penduduk perumahan akan merasa lebih terhubung dan kurang terasing dari komuniti setempat (Carrera, 2024). Kekerasan interaksi sosial yang sihat dapat meningkatkan kesejahteraan mental dan emosi penduduk (Chaulagain et al., 2024). Perkongsian sumber dan kemudahan dapat mengurangkan kos hidup secara keseluruhan dan manakala penekanan pada kelestarian dapat mengurangkan jejak ekologi penduduk (Guo et al., 2024).

Prinsip-Prinsip Maqasid Sha'riah

Konsep perumahan bersama (atau "co-housing" dalam Bahasa Inggeris) adalah satu pendekatan perancangan perumahan di mana individu atau keluarga berkongsi kawasan perumahan yang biasanya terdiri daripada unit-unit kediaman yang bersebelahan atau berhampiran (McCamant and Durrett, 2011). Ia merangkumi beberapa elemen penting seperti Jadual 1.

Maqasid Shari'ah merujuk kepada tujuan dan objektif-objektif agama Islam yang dinyatakan dalam syariah atau undang-undang Islam. Ia membentuk kerangka kerja konseptual yang memberikan panduan mengenai nilai-nilai dan prinsip-prinsip utama dalam Islam. Terdapat beberapa prinsip utama Maqasid Shari'ah yang menjadi landasan untuk pengamalan ajaran Islam seperti dinyatakan pada Jadual 2.

Jadual 2: Prinsip Maqasid Shari'ah

Prinsip Maqasid Shari'ah	Penerangan
<i>Hifz al-Din</i> (Pemeliharaan Agama)	Prinsip ini menekankan kepentingan memelihara agama Islam dan keimanan. Merangkumi perlindungan terhadap hak kebebasan beragama, membolehkan individu untuk mengamalkan agama mereka tanpa gangguan atau tekanan.
<i>Hifz al-Nafs</i> (Pemeliharaan Nyawa)	Menjaga kehidupan manusia adalah prinsip utama dalam Maqasid Shari'ah. Prinsip ini melarang pembunuhan dan keganasan serta mementingkan pemeliharaan kesihatan fizikal dan mental.
<i>Hifz al-Mal</i> (Pemeliharaan Harta Benda)	Prinsip ini mendorong kepada pemeliharaan harta benda dan hak milik individu. Ia merangkumi perlindungan terhadap pencurian, penipuan, dan penindasan ekonomi.
<i>Hifz al-Nasl</i> (Pemeliharaan Keturunan)	Merujuk kepada prinsip pemeliharaan keturunan dan institusi keluarga dalam masyarakat. Ini termasuk perlindungan terhadap hak-hak keluarga dan anak-anak.
<i>Hifz al-'Aql</i> (Pemeliharaan Akal)	Prinsip ini menitikberatkan pemeliharaan akal dan kesihatan mental individu. Ia merangkumi larangan terhadap penggunaan bahan-bahan yang merosakkan akal, seperti alkohol atau dadah.

Sumber: JAKIM (2015)

Prinsip-prinsip Maqasid Shari'ah ini membentuk landasan moral dan etika dalam kehidupan masyarakat Islam dan menjadi asas untuk pelbagai aspek hukum dan tatakelakuan dalam agama Islam. Ianya menjadi panduan tentang bagaimana individu dan masyarakat seharusnya berinteraksi di antara satu sama lain. Prinsip-prinsip ini juga memainkan peranan penting dalam pemahaman terhadap konsep perumahan bersama berdasarkan Maqasid Shari'ah. Memandangkan jumlah penduduk Malaysia yang semakin tua, terdapat keperluan untuk mengkaji konsep perumahan yang memenuhi keperluan unik dan aspirasi warga tua (Jumadi et al., 2019). Ini kerana konsep kajian ini berusaha mencapai tujuan dan objektif-objektif agama Islam di dalam konteks perumahan bersama dan komuniti.

Hubungan antara Maqasid Shari'ah dan Perumahan Bersama

Hubungan antara Maqasid Shari'ah dan konsep perumahan bersama adalah penting dalam memahami nilai-nilai Islam dan prinsip-prinsip Maqasid Shari'ah yang dapat diaplikasikan terhadap perancangan dan pentadbiran perumahan bersama. Jadual 3 menyatakan beberapa aspek hubungan antara Maqasid Shari'ah dan perumahan bersama.

Jadual 3: Aspek Maqasid Shari'ah dan perumahan bersama

Aspek Maqasid Shari'ah dan perumahan bersama	Penerangan
Keselamatan dan Kesejahteraan	Maqasid Shari'ah menekankan pemeliharaan nyawa dan kesejahteraan individu. Dalam konteks perumahan bersama, ini boleh diterjemahkan sebagai penekanan terhadap reka bentuk perumahan yang selamat dan bersepadu. Termasuk aspek seperti sistem keselamatan, kemudahan akses kepada perkhidmatan kesihatan, dan keselamatan masyarakat.
Pemeliharaan Agama	Maqasid Shari'ah mengekalkan kebebasan beragama dan keimanan sebagai nilai utama. Perumahan bersama yang diinspirasi oleh Maqasid Shari'ah harus memastikan kebebasan individu untuk mengamalkan agama mereka tanpa tekanan atau diskriminasi.
Kemudahan Akses	Konsep ini merangkumi kemudahan akses kepada perkhidmatan asas seperti masjid, pusat pendidikan, pusat kesihatan, dan kemudahan awam yang lain. Reka bentuk perumahan harus memastikan bahawa penduduk perumahan bersama dapat mengakses perkhidmatan tersebut dengan mudah.
Keadilan dalam Pengagihan Sumber	Prinsip keadilan dalam Maqasid Shari'ah mencakupi pengagihan sumber-sumber perumahan yang adil dan saksama. Dalam perumahan bersama, ini boleh merujuk kepada pengagihan rumah-rumah atau kemudahan komuniti dengan mengambil kira keperluan individu dan keluarga.
Kehidupan Mesra Alam	Prinsip pemeliharaan alam sekitar adalah sejajar dengan Maqasid Shari'ah, yang menekankan tanggungjawab manusia untuk menjaga bumi dan alam semulajadi. Perumahan bersama berdasarkan Maqasid Shari'ah harus mempromosikan amalan yang mesra alam dan berkekalan.

Penghayatan Nilai-Nilai Agama	<p>Maqasid Shari'ah menggalakkan penghayatan nilai-nilai moral dan etika dalam kehidupan sehari-hari. Perumahan bersama yang dipengaruhi oleh Maqasid Shari'ah boleh memberikan fokus kepada pembangunan komuniti yang mendukung nilai-nilai agama dan etika dalam kehidupan harian.</p> <p>Dalam konteks Maqasid Shari'ah atau prinsip-prinsip agama Islam, perumahan bersama yang mengikut konsep ini akan menggalakkan penghayatan nilai-nilai agama dalam kehidupan seharian. Ini termasuk aspek moral dan etika yang penting dalam masyarakat Islam.</p>
-------------------------------	---

Secara keseluruhannya, hubungan antara Maqasid Shari'ah dan perumahan bersama merangkumi aspek penting yang mencorakkan cara perumahan dibangunkan, diuruskan, dan diaplikasikan bagi masyarakat beragama Islam. Konsep perumahan bersama yang berlandaskan Maqasid Shari'ah adalah usaha untuk mencapai tujuan agama Islam dan memberikan kehidupan yang lebih baik kepada golongan tua, dengan menjadikan aspek nilai dan etika sebagai asas kepada reka bentuk dan pentadbiran perumahan. Pembinaan perumahan golongan tua yang mementingkan aspek komuniti adalah amat penting bagi kehidupan mereka yang lebih baik (Radhi and Arumugam, 2019).

Oleh yang demikian, konsep perumahan bersama yang berdasarkan pentadbiran Maqasid Shari'ah yang menekankan prinsip-prinsip agama Islam dalam reka bentuk dan pentadbiran perumahan akan memastikan kebahagiaan dan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

METODOLOGI KAJIAN

Aliran metodologi penyelidikan bermula dengan pengenalan masalah penyelidikan, kajian literatur, pembentukan objektif penyelidikan, pengumpulan data, analisis data, dan hasil serta perbincangan (Creswell 2012). Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti pandangan golongan tua beragama Islam dan sokongan mereka terhadap pembangunan perumahan bersama untuk kehidupan aktif seiring dengan pematuan Maqasid Shari'ah. Data utama yang bersifat kuantitatif dikumpulkan daripada sejumlah responden sebanyak 641 orang menggunakan analisis frekuensi.

Analisis frekuensi merupakan teknik statistik deskriptif yang digunakan untuk meringkaskan dan menggambarkan data kategorikal atau nominal. Dalam kajian ini, analisis frekuensi digunakan untuk memahami taburan dan kekerapan respons daripada 641 responden terhadap soalan-soalan dalam soal selidik. Setiap soalan dalam soal selidik mewakili satu pemboleh ubah, dan respons responden terhadap soalan tersebut adalah data kategorikal.

Responden terdiri daripada golongan tua beragama Islam yang berumur antara 50 hingga 70 tahun, yang tinggal di negeri Selangor dan Johor di Malaysia. Kawasan kajian tertumpu kepada Selangor dan Johor kerana Jabatan Perangkaan Malaysia meramalkan bahawa bilangan golongan tua utamanya terdapat di Selangor (16%) dan Johor (12%) pada tahun 2020. Data kuantitatif tersebut dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan analisis kekerapan dari Perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS).

HASIL KAJIAN

Seramai 641 responden telah ditemuramah berkenaan elemen-elemen perumahan bersama. Kebanyakan responden berminat dan menyokong pembangunan perumahan bersama dengan pematuan kepada Maqasid Shari'ah. Pembangunan perumahan bersama ini bertujuan untuk pembangunan inovasi mampan perumahan bersama untuk golongan tua. Jadual 4 menyatakan pilihan golongan tua beragama Islam berdasarkan elemen-elemen perumahan bersama, yang diwakili oleh item-item yang berkaitan.

Jadual 4 : Pilihan responden berdasarkan elemen perumahan bersama

Elemen Bersama	Perumahan	Item	Kekerapan (Setuju)	%
<i>Elemen 1</i>		Item 1	570	88.9
Penglibatan bersama dalam pembangunan perumahan		Saya bersetuju untuk terlibat dengan proses pemilihan lokasi untuk membina kediaman		
		Item 2	572	89.2
		Saya bersetuju pembinaan perumahan perlu dirancang bersama-sama masyarakat		
<i>Elemen 2</i>		Item 1	612	95.5
Reka bentuk kejiranan		Reka bentuk perumahan yang melindungi privasi penduduk		
		Item 2	587	91.6
		Saya bersetuju bahawa kawasan kejiranan kecil lebih mudah diurus		
<i>Elemen 3</i>		Item 1	618	96.4
Pusat komuniti sebagai pusat aktiviti bersama		Saya bersetuju bahawa perumahan komuniti perlu menyediakan kawasan ruang bersama		
<i>Elemen 4</i>		Item 1	608	94.9

Tanggungjawab bersama	Saya bersetuju bahawa tugas menguruskan kawasan perumahan perlu dibahagikan secara adil		
	Item 2	625	97.5
	Saya bersetuju bahawa setiap ahli masyarakat perlu bertanggungjawab dan terlibat dalam menguruskan keejiranan bersama-sama		
	Item 3	618	96.4
	Saya setuju jika ada badan pengurusan untuk menguruskan kawasan perumahan tersebut		
	Item 4	637	99.4
	Pengurusan yang melibatkan aspek fizikal, kemudahan, persekitaran yang baik dan keselamatan akan menghasilkan gaya hidup yang berkualiti		
Elemen 5	Item 1	633	98.8
Tiada struktur dan hierarki dalam membuat keputusan	Saya bersetuju bahawa mesyuarat perlu diadakan untuk membuat keputusan untuk apa-apa yang berkaitan dengan keejiranan		
	Item 2	630	98.3
	Sesebuah kawasan keejiranan perlu ada ketua, tetapi keputusannya tertakluk kepada perbincangan masyarakat		
	Item 3	550	85.8
	Saya akan sering menghadiri mesyuarat untuk kepentingan penduduk		
Elemen 5	Item 1	589	91.9
Tiada pendapatan dan perkongsian kewangan	Saya bersetuju sumber pendapatan adalah hasil usaha kita sendiri tanpa bergantung kepada penduduk lain		
	Item 2	635	99.1
	Simpanan diperlukan untuk menampung kehidupan warga emas		

Hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 641 responden menunjukkan minat dan sokongan yang kuat terhadap pembangunan perumahan bersama dengan pematuhan kepada Maqasid Shari'ah. Pembangunan perumahan bersama ini bertujuan membangunkan inovasi mampan dalam perumahan bersama untuk golongan tua. Seperti dinyatakan oleh Jadual 4, pilihan golongan tua beragama Islam berdasarkan elemen-elemen perumahan bersama menunjukkan respon positif dan sokongan dari mereka.

Hasil kajian ini mencerminkan kesedaran positif dan sokongan yang kuat daripada golongan tua beragama Islam terhadap pembangunan perumahan bersama dengan tumpuan kepada pematuhan kepada Maqasid Shari'ah, serta elemen-elemen yang membentuk perumahan bersama yang berkesan dan mampan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa golongan tua beragama Islam menghargai aspek-aspek seperti keselamatan, keselesaan, dan kemudahan yang disediakan oleh perumahan bersama. Mereka percaya bahawa perumahan bersama yang mematuhi prinsip-prinsip Maqasid Shari'ah dapat memberikan kehidupan yang lebih berkualiti dan bermakna.

Selain itu, kajian ini juga menekankan pentingnya penglibatan komuniti bagi pembangunan perumahan bersama. Golongan tua beragama Islam menunjukkan minat yang tinggi untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti komuniti yang ditawarkan oleh perumahan bersama. Mereka percaya bahawa penglibatan aktif komuniti dapat meningkatkan kesejahteraan sosial dan mental mereka, serta mengukuhkan hubungan antara penduduk.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa pembangunan perumahan bersama yang mematuhi Maqasid Shari'ah bukan sahaja mendapat sokongan yang kuat daripada golongan tua beragama Islam, tetapi juga dapat memenuhi keperluan dan kehendak mereka. Pembangunan perumahan bersama yang berkesan dan mampan ini diharapkan dapat memberikan kehidupan yang lebih baik dan bermakna kepada golongan tua beragama Islam.

KESIMPULAN

Kertas kajian ini membincangkan bagaimana konsep perumahan bersama berdasarkan pentadbiran Maqasid Shari'ah dapat mempengaruhi kesejahteraan golongan tua beragama Islam di Johor dan Selangor. Hasil kajian menunjukkan sokongan kukuh terhadap konsep perumahan bersama yang dilihat sebagai selaras dengan nilai-nilai agama dan berpotensi untuk meningkatkan keselamatan, kesejahteraan, dan keadilan dalam komuniti. Pendidikan dan kesedaran lebih lanjut diperlukan untuk memperkukuhkan pemahaman dan pelaksanaan konsep ini. Konsep perumahan bersama berdasarkan Maqasid Shari'ah membawa potensi untuk membina komuniti berkualiti dan berlandaskan nilai-nilai agama Islam dalam kehidupan harian. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada perkembangan komuniti perumahan yang lebih selamat, sejahtera, dan berdasarkan nilai-nilai Maqasid Shari'ah dalam kehidupan bermasyarakat.

RUJUKAN

- Brenton, M. (2013). Senior cohousing communities—an alternative approach for the UK. *York: Joseph Rowntree Foundation*.
- Carrera, L. (2024). The elderly and the right to an active aging: the strategy of social cohousing to counteract relational poverty. *Frontiers in Sociology*, 9, 1447614.
- Chaulagain, S., Li, J., & Pizam, A. (2024). The impact of sense of community on residents' satisfaction, behavioral intentions, and life satisfaction in senior living communities. *International Journal of Hospitality Management*, 121, 103822.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Pearson. Available at: <https://books.google.com.my/books?id=4PywcQAACAAJ>
- Glass, A. P. (2009). Aging in a community of mutual support: The emergence of an elder intentional cohousing community in the United States. *Journal of Housing for the Elderly*, 23(4), 283-303.
- Glass, A. P., & Norris, H. (2022). Finding Community in Elder Cohousing: Before and During COVID-19. *Journal of Aging and Environment*, 1-18.
- Guo, J., Yanai, S., & Xu, G. (2024). Community gardens and psychological well-being among older people in elderly housing with care services: The role of the social environment. *Journal of Environmental Psychology*, 94, 102232.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Indeks Syariah Malaysia Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah, Putrajaya, Malaysia 2015.
- Jumadi, N., Noor, N. A. M., Bujang, A. A., Maimun, N. H. A., Ismail, W. I. F. W., Yusoff, N. S. M., & Rahman, M. S. A. (2019). Active ageing and housing environment concept among elderly Muslims. *PLANNING MALAYSIA*, 17(9).
- Lietaert, M. (2010). Cohousing's relevance to degrowth theories. *Journal of cleaner production*, 18(6), 576-580.
- McCamant, K., & Durrett, C. (2011). *Creating cohousing: Building sustainable communities*. New Society Publishers.
- Radhi, N. A. M., & Arumugam, T. (2019). Are we ready for an ageing Malaysia?. *New Straits Times*. Dec 15 2019.
- Sanguinetti, A. (2014). Transformational practices in cohousing: Enhancing residents' connection to community and nature. *Journal of Environmental Psychology*, 40, 86-96.
- Tobi, S. M., Fathi, M. S., & Amaratunga, D. (2017, October). Ageing in place, an overview for the elderly in Malaysia. In *AIP conference proceedings* (Vol. 1891, No. 1, p. 020101). AIP Publishing LLC.
- Williams, J. (2008). Predicting an American future for cohousing. *Futures*, 40(3), 268-286.